

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
(SERIAN)**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini tentang Perjanjian Lintas Batas (*Border Crossing Agreement - BCA*) di antara Malaysia dan Indonesia khususnya di pintu masuk antarabangsa Tebedu-Entikong.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Lintas Batas Malaysia-Indonesia (*Border Cross Agreement - BCA*) telah ditandatangani pertama kali pada 26 Mei 1967 bertempat di Jakarta, Republik Indonesia bertujuan untuk memudahkan pergerakan keluar masuk penduduk-penduduk di kawasan sempadan Malaysia dan Indonesia. Sejak pelaksanaan kali pertama tersebut, sebanyak dua kali semakan telah dibuat dengan persetujuan kedua-dua negara iaitu pada tahun 1984 dan 2006.

Antara intipati utama dalam terma perjanjian tersebut adalah keperluan untuk menyenaraikan semua pintu masuk dan keluar di sempadan Malaysia-Indonesia yang membenarkan penggunaan Pas Lintas Sempadan (PLS) di kalangan penduduk setempat. Penyenaraian pintu masuk dan keluar di dalam dokumen perjanjian berkenaan adalah penting

## SOALAN NO : 15

selaras dengan pengeluaran, penggunaan dan pengoperasian PLS serta kawalan di pintu masuk dan keluar oleh agensi penguatkuasa kedua-dua negara. Mengambil kira keutamaan untuk menyegerakan pemeeteraian BCA tersebut, kedua-dua negara bersetuju supaya hanya pintu masuk dan keluar yang diwartakan sahaja yang akan disenaraikan dalam lampiran BCA.

Sehingga kini, Kerajaan Republik Indonesia (RI) dan Malaysia telah mengadakan enam sesi rundingan bagi membincangkan draf Perjanjian BCA berkenaan. Setiap sesi rundingan dua hala tersebut melibatkan wakil-wakil dari kementerian / agensi pusat dan Kerajaan Negeri yang berkaitan seperti Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Jabatan Imigresen Negeri Sabah dan Sarawak.

Draf terkini Perjanjian BCA tersebut telah disemak Jabatan Peguam Negara pada bulan Oktober 2019 dan telah dikemukakan kepada pihak Indonesia untuk penelitian dan persetujuan. Seperti mana kelaziman, setelah memperoleh persetujuan kedua-dua pihak, satu Memorandum Jemaah Menteri bagi Malaysia menandatangani dan meratifikasi *Agreement Between The Government of Malaysia and The Government of The Republic of Indonesia On Border* (BCA) akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum ianya ditandatangani.